

KENYATAAN MEDIA

21 DISEMBER 2022

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Pantau Persiapan Bilik Gerakan Banjir**

PUTRAJAYA, 21 Disember – Suruhanjaya Tenaga (ST) memandang serius insiden kemalangan elektrik di musim banjir yang terkini di Kampung Morak, Tumpat, Kelantan. Adalah menjadi keutamaan ST untuk melindungi kepentingan masyarakat dan memastikan kesiapsiagaan menghadapi banjir khususnya berkaitan aspek keselamatan elektrik di musim banjir.

Sehubungan itu, Ketua Pegawai Eksekutif ST, Dato' Ir. Ts. Abdul Razib bin Dawood telah mengadakan lawatan bekerja ke Bilik Gerakan Rangkaian Pembahagian (*Distribution Network*) di Petaling Jaya semalam bagi memantau persiapan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam menghadapi musim banjir pada tahun ini.

Usaha ini dijalankan bagi memastikan keselamatan orang awam dan jaminan bekalan elektrik berterusan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta pemulihan bekalan segera di kawasan yang dijangka akan dilanda banjir.

Selain itu, pihak utiliti iaitu TNB telah menyediakan sebanyak 296 set janakuasa bergerak, 227 set janakuasa kecil mudah alih (5kW/2.5kW), 279 buah lori, 885 kenderaan pacuan empat roda, 38 buah bot dan 108 lampu limpah di lokasi-lokasi yang sering dilanda banjir.

Abdul Razib berkata “Melihat kepada persiapan ini, ST berharap langkah-langkah yang telah diambil oleh TNB dalam persiapan menghadapi banjir dapat menjamin aspek penjagaan keselamatan, pengurusan bekalan, penghebahan maklumat dan sebagainya untuk kepentingan orang awam.”

ST mengingatkan orang ramai agar bekalan elektrik di rumah dimatikan sepenuhnya sekiranya diminta untuk berpindah. Jika terdapat sebarang masalah berhubung bekalan elektrik bolehlah menghubungi *TNB Careline* melalui talian 15454.

Orang ramai juga diminta mematuhi tips-tips keselamatan elektrik yang disediakan oleh ST dan juga oleh pihak TNB. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai perkara ini, hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau email ke [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my). Layari laman web ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) untuk makluman lanjut.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.



**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.